

BAB EMPAT

BAB 4

SYARIKAT TAKAFUL MALAYSIA BERHAD (STMB): PENUBUHAN DAN OPERASINYA

A. Konsep Takaful

Akta Takaful 1984 Dan Peraturan-peraturan¹ tidak menggunakan istilah insurans Islam atau *al-ta'mīn*, tetapi buat pertama kalinya menggunakan istilah takaful. Seksyen 2 akta tersebut memberi makna takaful sebagai:

“satu skim yang berdasarkan kepada persaudaraan, perpaduan, dan tolong menolong bersama yang menyediakan bantuan kewangan bersama kepada peserta-peserta skim tersebut yang memerlukan bantuan kewangan di mana peserta-peserta lain bersetuju bersama-sama untuk menyumbang menyediakan bantuan tersebut.”

Definisi ini merupakan pengubahsuaian definisi kontrak insurans konvensional untuk disesuaikan dengan dasar tolong menolong sosial agama Islam seperti yang terangkum dalam istilah takaful itu.² Ia cuba untuk menerapkan konsepsi semasa

¹ Lihat Akta Takaful 1984 Dan Peraturan-peraturan dalam Lampiran (C).

² Lihat Sami A. Hanna, “Al-Takaful al-Ijtima'i And Islamic Socialism”, *The Muslim World*, Lahore, bil.59, 1969, hal. 275-285. Takaful dalam bahasa Arab pula bermakna saling jamin-menjamin atau pelihara memelihara. (Edward Lane, *Arab English Lexicon*, vol. 8, Islamic Book Centre, Lahore, 1978, hal. 3001 dan Majma' al-Lughah al-'Arabiyyah, *kafala*, *al-Mu'jam al-Wasīt*, jil. 2, cet. ketiga, Kaherah, t.t., hal. 824).

insurans Islam yang memberikan penekanan kepada aspek kerjasama di antara pembayar dan penerima bayaran insurans dan aspek-aspek kebajikan atau faedah bersama masyarakat Islam yang lebih dikenali dengan istilah takaful itu.³

Maksud perkataan takaful di atas bolehlah diterangkan sebagai satu kontrak di mana seorang itu bersetuju memberi sejumlah wang ke dalam satu tabung yang diuruskan oleh satu syarikat. Kontrak ini bertujuan apabila berlaku sesuatu kemalangan atau kerugian yang mungkin berlaku kepada pemberi wang tersebut, ia akan dibayar ganti dari tabung tersebut dengan persetujuan penyumbang-penyeimbang lain tabung tersebut. Pemberi wang juga bersetuju untuk menyumbangkan sebahagian dari pemberiannya itu kepada penyumbang-penyeimbang yang lain apabila sesuatu kemalangan atau kerugian menimpa mereka. Bersesuaian dengan konsep *al-ta'mīn al-ijtīmā'i* wang simpanan tabung tersebut yang berpunca dari pemberian penyumbang-penyeimbang akan digunakan oleh syarikat pengurusan tersebut, bagi tujuan mencari keuntungan melalui perniagaan dan pelaburan.⁴

Akad takaful yang diamalkan oleh syarikat ini sebenarnya mengandungi dua bentuk. Pertama akad *ta'mīn* atau insurans, di mana penyumbang-penyeimbang kepada

Konsep ini mengandungi prinsip-prinsip kerjasama, saling tolong-menolong dan sama-sama bertanggungjawab. Ia adalah satu cara di mana para peserta takaful mengaku untuk saling jamin-menjamin sesama mereka daripada sebarang bencana atau malapetaka dengan tujuan melindungi sesama mereka. Peserta yang ditimpa bencana atau malapetaka itu akan mendapat manfaat kewangan bagi membantu meringankan beban kewangannya akibat ditimpa bencana seperti kebakaran dan sebagainya. Ini bermakna wujud amalan tolong-menolong, bantu-membantu di antara para peserta dalam kumpulan itu. Lihat Takaful Malaysia Berhad (STMB), *Laporan Badan Petugas Pembubahan Syarikat Insurans Secara Islam di Malaysia*, Penubuhan Syarikat Takaful, 1984, hal. 9.

³ I.D. Edge, *Sharia and Commerce in Contemporary Egypt*, di dalam C. Mallat (ed.), *Islamic Law and Finance*, Mac Millan, London, 1987, hal. 40; dan A.E. Mayer, *Islamic Law in Libya: Analyses of Selected Laws Enacted Since the 1969 Revolution*, London (School of Oriental and African Studies), 1977, hal. 147.

⁴ Lihat Ahmad Hidayat Buang, "Takaful: Akad Insurans atau Mudarabah", *Jurnal Syariah*, jil. 1, bil. 1, Januari 1996, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, hal. 147.

tabung tersebut akan dilindungi daripada kerugian atau kewangan yang mungkin mereka alami. Kedua akad *mudārabah* di mana wang yang diperolehi melalui pelaburan tersebut akan dibahagikan berdasarkan kepada akad *mudārabah*. Oleh yang demikian akad *mudārabah* merupakan satu elemen sahaja di dalam akad takaful dan bukan merupakan asas kepada akad takaful itu, sebagaimana yang difahami oleh kebanyakan orang.⁵

Pendekatan ini berbeza dengan sistem insurans konvensional di mana perlindungan dijamin oleh syarikat di bawah transaksi jual beli. Ertinya risiko yang dilindungi itu dijual kepada syarikat untuk ditanggungnya. Jika berlaku musibah tertentu, maka syarikat yang akan menjamin perlindungan dengan menentukan bayaran pampasan kepada pihak yang memberi perlindungan. Sebarang keuntungan yang diperolehi oleh syarikat insurans daripada perniagaan yang dikendalinya akan menjadi hak syarikat terbabit.⁶

Dalam amalan Syarikat Takaful Malaysia Berhad⁷, konsep takaful ini telah dimajukan sebagai satu bentuk perniagaan mengikut hukum Islam berdasarkan hukum perniagaan *mudārabah (profit sharing)*⁸ yang dipakai di dalam perjanjian di antara

⁵ Lihat sebagai contoh Nik Ramlah Nik Mahmood, *Insurance Law in Malaysia*, Butterworths, Kuala Lumpur, 1992, hal. 248.

⁶ Sebaliknya di bawah takaful, wang sumbangan atau caruman takaful seperti premium, adalah modal pelaburan yang dibayar oleh peserta ketika melanggani produk takaful. Asas perjanjian produk takaful adalah berkongsi keuntungan mengikut prinsip *mudārabah*. Ertinya pihak yang menggunakan produk takaful berhak berkongsi keuntungan yang diperolehi oleh pengendali daripada perniagaan takaful yang dikendalikannya.

⁷ Selanjutnya akan disebut sebagai Syarikat Takaful.

⁸ *Mudārabah* bererti perkongsian untung di dalam perniagaan melalui cara kerjasama di antara kedua pihak. Pihak yang mempunyai wang atau harta, tetapi tiada keupayaan, kemahiran atau pengalaman untuk mengendalikan sendiri satu-satu bidang perniagaan atau perusahaan, akan menyedia dan mengeluarkan modal bagi menjalankan kerjasama dengan pihak yang berkemampuan menjalani dan mengendalikan

Syarikat Takaful dengan peserta. Dalam kes ini Syarikat Takaful yang bertindak sebagai usahawan (*mudārib*) akan menerima sumbangan (premium/*ra's al-māl*) daripada peserta yang juga bertindak sebagai pelabur atau pemilik harta (*sāhib al-māl*). Hukum *mudārabah* itu dilihat sebagai persetujuan peserta takaful untuk menyerahkan modalnya kepada Syarikat Takaful, dan Syarikat akan menguruskan perniagaan berkenaan melalui perjanjian *mudārabah*, iaitu peserta dan Syarikat Takaful bersedia mengambil bahagian dalam untung rugi sesuatu perniagaan. Pembahagian keuntungan di antara Syarikat Takaful dan peserta adalah mengikut nisbah yang dipersetujui dalam perjanjian berkenaan. Umpamanya nisbah 50:50, 60:40, 70:30 dan sebagainya. Perjanjian itu juga menjelaskan hak-hak dan kewajipan kedua-dua pihak yang memeteraikan perjanjian tersebut. Dengan kata lain, prinsip *mudārabah* menjadi asas kepada perniagaan takaful kerana perjalanan takaful adalah menepati rukun-rukun bagi prinsip ini.⁹

perusahaan berkenaan, tetapi sebaliknya tidak mempunyai modal untuk berbuat demikian secara bersendirian. Apabila berlaku kerugian, ia akan ditanggung oleh pemilik modal sahaja, tidak pengusaha. Lihat al-Sarakhsi, Abū Bakr Muhammād Ibn Ahmad, *al-Mabsūt*, jil. 22, Dār al-Kutub al-'Ilmiyah, Beirut, 1993M/1414H, hal. 18; Al-Zaylā'i, Fakhr al-Dīn Uthmān Ibn 'Alī, *Tabyīn al-Haqā'iq*, jil. 5, cet. Būlāq, 1314H, hal. 52; Al-Baghdādī, Abū Muhammād Ibn Muhammād Ibn Ghānīm, *Majma' al-Damānat*, 'Ālam al-Kutub, Beirut, 1407H/1987M, hal. 303; Al-Dardir, Ahmad Ibn Muhammād, *al-Shāhīh al-Kābir 'ala Mukhtasar al-Khalīl*, jil. 3, 'Isā al-Halabi, Kaherah, t.t., hal. 518; Ibn Rushd Al-Qurtubī, Muhammād Ibn Ahmad Ibn Muhammād, *Bid'yāt al-Mujtahid wa Nihāyat al-Muqtasid*, jil. 2, Dār al-Ma'rifah, Beirut, cet. 4, 1878M/1398H, hal. 236; al-Imām al-Shāfi'i, Abū 'Abd Allāh Muhammād Ibn Idrīs, *al-Um*, jil. 3, Dār al-Ma'rifah, Beirut, t.t., hal. 333; Al-Sharbīnī al-Khatīb, Muhammād Ibn Ahmad, *Mughnī al-Muhtāj Ilā Ma'rifa Ma 'āni Alfāz al-Minhāj*, jil. 2, Sharikat Maktabah wa Maṭba'ah Muṣṭafā al-Halabī al-Bābī wa Awlādūh bi Miṣr, 1377H/1958, hal. 309. Dalam hubungan, ini yang menyediakan modal ialah peserta takaful-*sāhib al-māl*. Modal di sini ialah sumbangan atau caruman takaful - *ra's al-māl* - seperti premium di dalam insurans konvensional yang perlu dibayar oleh peserta takaful semasa ia bercadang untuk mendapatkan khidmat takaful daripada syarikat (*mudārib*) yang mengendalikan pelbagai khidmat takaful di bawah perniagaan takaful. Lihat Syarikat Takaful Malaysia Berhad (STMB), *Laporan Badan Petugas Penubuhan Syarikat Insurans Secara Islam di Malaysia*, Kuala Lumpur, hal. 15-16.

⁹ Lihat Mohd Fadzli Yusof, *Takaful: Sistem Insurans Islam*, Utusan Publication & Distributors, Kuala Lumpur, 1996, hal. 16. Contoh akad mudarabah yang dilakukan oleh Syarikat Takaful ialah berikut: Bahawasanya saya/kami dengan ini bersetuju berdasarkan prinsip *al-Mudarabah* dan hukum-hukum Syarak lain yang berkaitan sumbangan takaful yang saya/kami mengakujanji untuk membayar kepada Syarikat Takaful Malaysia Berhad dikreditkan ke dalam Kumpulan wang Takaful Syarikat bagi syarikat menguruskan pelbagai skim takaful di bawah perniagaan Takaful Am termasuk pelaburan bagi kumpulan wang tersebut mengikut cara-cara yang difikirkan sesuai oleh syarikat dan di atas pertimbangan ini, saya/kami adalah berhak untuk menerima keuntungan bersih Kumpulan wang tersebut, jika ada, mengikut nisbah 50% kepada saya/kami dan 50% kepada syarikat tertakluk sentiasanya bahawa saya/kami tidak

Dengan ini wang sumbangan Takaful Keluarga terutamanya tidak akan hangus kerana melalui akad berkongsi untung di bawah prinsip *mudārabah* ini, yang menjadi asas perniagaan takaful, seseorang itu berhak memperolehi pulangan daripada sumbangan yang dibuat.

B. Konsep *Tabarru'* Dalam Takaful

Konsep *tabarru'* adalah salah satu ciri penting yang menjadi landasan Syariah di dalam perjanjian takaful. Secara umumnya ia bermakna menderma, membuat kebajikan atau mengurniakan dengan kerelaan sendiri. Dalam hal ini peserta-peserta takaful yang memeteraikan perjanjian takaful bersetuju untuk memberikan sebahagian tertentu daripada sumbangan takafulnya sebagai bantuan kepada mana-mana peserta yang ditimpa malapetaka. Selanjutnya pembahagian untung dan rugi dalam operasi Syarikat Takaful adalah mengikut hukum *mudārabah*. Ia hanya dapat diagihkan selepas peranan saling jamin menjamin itu telah dilaksanakan dengan sepenuhnya.¹⁰

Dengan ini perniagaan takaful bukan sahaja memberikan hak berkongsi keuntungan kepada para pesertanya, tetapi juga mereka dapat menderma dan berbakti

membuat apa-apa tuntutan dan/atau menerima apa-apa manfaat di bawah takaful semasa ianya berkuatkuasa. (Ini ialah contoh akad Takaful Kenderaan Berenjin). Lihat Syarikat Takaful Malaysia Berhad, Borang Memperbaharui Takaful Kenderaan Berenjin, Kuala Lumpur, t.t.

¹⁰ Mohd Fadzli Yusof, "Sumbangan Takaful kepada Usahawan." Kertas kerja yang dibentangkan dalam *Seminar Keusahawanan dan Perniagaan Islam* pada 28-29 November 1987 di Petaling Jaya, Selangor, hal. 7.

atas semangat persaudaraan. Ia juga bertujuan untuk saling jamin menjamin melalui kerelaan untuk sebahagian caruman mereka dijadikan *tabarru'*.¹¹

C. Sejarah Penubuhan Syarikat Takaful

Keraguan umat Islam negara ini terhadap urusniaga insurans konvensional yang dikatakan mengandungi unsur-unsur *gharar*, *maysir* dan *ribā* menyebabkan perlunya diwujudkan satu bentuk insurans yang memenuhi tuntutan hukum Syarak.

Justeru itu satu badan petugas khas yang terdiri daripada ulama, pakar perundangan dan Ketua Pengarah Insurans Malaysia,¹² dan mereka yang difikirkan patut telah dibentuk. Badan petugas khas ini telah membuat kajian yang mendalam terhadap

¹¹ Contoh perakuan *tabarru'* mengikut pelan atau skim takaful ialah: Sebanyak ----% daripada ansuran caruman takaful yang saya mengakujanji untuk membayar kepada Syarikat Takaful Malaysia Berhad dikreditkan ke dalam akaun Khas Peserta saya dengan syarikat sebagai *tabarru'* bagi tujuan syarikat membuat bayaran manfaat takaful apabila berlakunya kematian atau keilatan kekal sepenuhnya peserta-peserta yang berhak menerima manfaat takaful di bawah perjanjian ini (Takaful Keluarga). Saya/kami juga bersetuju untuk dijadikan sebagai *tabarru'* mana-mana bahagian daripada sumbangan takaful di atas termasuk keuntungannya bagi syarikat membayar manfaat takaful apabila berlaku kematian dan/atau keilatan kekal anggota badan mana-mana orang yang diperlindungkan mengikut perjanjian takaful (Takaful Keluarga Berkelompok). Saya/Kami juga bersetuju untuk dijadikan *tabarru'* mana-mana bahagian daripada sumbangan takaful di atas termasuk keuntungannya bagi syarikat membayar manfaat takaful kepada mana-mana peserta takaful yang berhak menerima manfaat tersebut mengikut perjanjian takaful (Contoh akad Takaful Am Gandingan). Lihat Syarikat Takaful Malaysia Berhad, Borang Takaful Am Gandingan, Kuala Lumpur, t.t.

¹² Ketua Pengarah Insurans Malaysia (KPI) dan Ketua Pengarah Takaful ialah Gabenor Bank Negara Malaysia.

bentuk perlindungan insurans yang selaras dengan dasar Syariah untuk memenuhi keperluan umat Islam di Malaysia.¹³

Berdasarkan kajian badan petugas ini, satu keputusan telah dibuat untuk menubuhkan sebuah syarikat insurans di Malaysia yang berdasarkan amalan syarikat insurans yang terdapat di luar negara seperti Sudan dan Arab Saudi. Ianya dikenali sebagai Syarikat Takaful Malaysia Berhad (STMB).¹⁴

Syarikat Takaful telah diperbadankan sebagai sebuah Syarikat Berhad mengikut Akta Syarikat, 1965 pada 29hb. November 1984 dan telah memulakan operasi perniagaannya pada 2hb. Ogos 1985. Modal yang dibenarkan ialah RM100 juta dan modal berbayar sebanyak RM10 juta. Bank Islam Malaysia Berhad memegang 51 peratus saham Syarikat Takaful dan dengan ini menjadikannya anak syarikat bank tersebut. Pemegang-pemegang saham lain terdiri daripada Majlis-majlis Agama Islam dan Yayasan-yayasan Agama Islam negeri-negeri dalam Malaysia.¹⁵

¹³ Laporan Badan Petugas Penubuhan Syarikat Insurans Secara Islam di Malaysia, *Penubuhan Syarikat Takaful*, op. cit., hal. 1.

¹⁴ Ibid., hal. 1.

¹⁵ Syarikat Takaful Malaysia Berhad, *Laporan Tahunan 1986*, Kuala Lumpur, hal. 5. Akta Insurans 1963 yang ada sekarang tidak sesuai untuk Syarikat Takaful, menyebabkan ia perlu mempunyai Aktanya sendiri yang dinamakan Akta Takaful 1984. Namun begitu syarikat ini masih dikawal oleh Kementerian Kewangan melalui Pejabat Ketua Pengarah Insurans Malaysia. Lihat Laporan Badan Petugas Penubuhan Syarikat Takaful, hal. 3. Akta Takaful 1984 Dan Peraturan-peraturan adalah bertujuan melesen dan mengawal operasi perniagaan takaful. Dengan kewujudan Akta ini, peruntukan undang-undang yang selaras dengan hukum Syarak dapat dimasukkan. Contohnya, adalah salah jika didapati perniagaan takaful yang dijalankan oleh pengendali berlawanan dengan hukum Syarak. Bagi memastikan pengendali mematuhi peraturan Syariah, terdapat peruntukan supaya Majlis Pengawasan Syariah dibentuk sebelum pengendali diberi lesen. Di samping itu Akta Takaful 1984 juga akan menghalang sebarang pihak menjalankan atau mendakwa menawarkan khidmat takaful mengikut yang ditaksirkan jika bercanggah dengan undang-undang. Misalnya, pengendali mesti mempunyai modal berbayar yang secukupnya dan meletakkan deposit khas kepada pihak berkuasa sebelum boleh beroperasi. Akta ini sangat diperlukan agar bidang kegiatan pelaburan adalah selamat dan tidak berisiko tinggi. Agensi kerajaan yang dipertanggungjawabkan untuk menguatkusakan Akta Takaful 1984 ialah Bank Negara Malaysia (BNM).

Pada bulan November 1991, berlaku perubahan dalam pemegangan saham Syarikat Takaful apabila syarikat induknya iaitu Bank Islam Malaysia Berhad menambah pemegangan sahamnya daripada 51 peratus kepada 87.15 peratus berikutan pemindahan milik saham daripada beberapa pemegang saham minoriti kepada Bank Islam.¹⁶ Perubahan pemegangan saham Syarikat Takaful tersebut digambarkan dalam jadual (1).¹⁷

Penubuhan Syarikat Takaful adalah merupakan kemuncak kepada usaha-usaha yang telah dijalankan oleh kerajaan dan umat Islam Malaysia bagi menujuhkan sebuah syarikat insurans Islam yang bertujuan menyediakan pelbagai perkhidmatan insurans yang selaras dengan kehendak-kehendak Syariah di negara ini.

Syarikat Takaful berbeza dengan syarikat insurans konvensional yang lain kerana ia tidak menggunakan agensi dalam strategi pemasarannya. Dengan perkataan lain pemasarannya dilakukan secara langsung di ibu pejabat syarikat yang bertempat di Menara Tun Razak, Jalan Raja Laut, Kuala Lumpur dan di cawangannya yang terletak di Kota Bharu, Kuala Terengganu, Kuantan, Alor Setar, Ipoh, Melaka dan Johor Bharu. Perbelanjaan mengurus seperti gaji, sewa pejabat, penggunaan peralatan komputer dan lain-lain kos pentadbiran ditanggung sepenuhnya oleh wang modal pengendali sendiri dan tidak akan ditolak daripada wang caruman, atau sumbangan peserta.

Lihat Mohd Fadzli Yusof, *Undang-undang Mengawal Takaful*, Berita Harian, ruangan ekonomi, 5hb Januari 1997, hal. 2.

¹⁶ Bank Negara Malaysia, *Laporan Tahunan Ketujuh Ketua Pengarah Takaful*, bagi tahun berakhir 31 Disember 1991, hal. 2.

¹⁷ Lihat infra hal. 150.

Jadual (1)
Pemegangan Saham Syarikat Takaful

Nama-nama Pemegang Saham	Sebelum Pindah Milik		Selepas Pindah Milik	
	Bil. Saham	% Pemegang	Bil. Saham	% Pemegang
i. BIMB	5,100.00	51.00	8,726.000	87.15
ii. Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Terengganu	500.000	5.00	500.00	5.00
iii. Majlis Agama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang	400.000	4.00	400.00	4.00
iv. Majlis Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sembilan/Baitulmal	600.000	6.00	180.000	1.80
v. Baitulmal Wilayah Persekutuan	100.00	1.00	100.00	1.00
vi. Majlis Ugama Islam Melaka	75.000	0.75	75.000	0.75
vii. Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis	30.000	0.30	30.000	0.30
viii. Majlis Agama Islam Sabah	1,000.000	10.00	-	-
ix. Perbadanan Kemajuan Ekonomi Islam Perak	500.000	5.00	-	-
x. Perbadanan Kemajuan Ekonomi Islam Johor	200.000	2.00	-	-
xi. Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan	300.000	3.00	-	-
xii. Majlis Agama Islam Negeri Johor	500.00	5.00	-	-
xiii. Yayasan Islam Kelantan	250.000	2.50	-	-
xiv. Majlis Agama Islam Kedah	250.000	2.50	-	-
xv. Majlis Agama Islam Selangor	195.000	1.95	-	-
Jumlah	10,000.000	100.00	10,000.000	100.00

Sumber: Bank Negara Malaysia, *Laporan Tahunan Ketujuh Ketua Pengarah Takaful, bagi tahun berakhir 31 Disember 1991*, hal. 2.

Jika imbuhan ditolak daripada wang caruman, maka akad *mudarabah* menjadi rosak. Sebab inilah sistem agensi tidak diamalkan oleh Syarikat Takaful.¹⁸

Selain daripada itu, operasi perniagaan takaful juga dijalankan di 37 buah meja takaful yang terletak di pejabat-pejabat Bank Islam Malaysia Berhad dan 16 buah lagi terletak di pejabat-pejabat Daerah Lembaga Urusan dan Tabung Haji di Semenanjung Malaysia. Meja-meja takaful juga dibuka di Jabatan-jabatan Hal Ehwal Agama Islam negeri berkala dua kali seminggu dan di pejabat-pejabat daerah meliputi hampir seluruh Semenanjung Malaysia.¹⁹

Memandangkan potensi perniagaan takaful semakin cerah, pada penghujung tahun 1993, pihak berkuasa telah mengizinkan pengendali takaful kedua ditubuhkan iaitu Takaful Nasional, anak syarikat Malaysia National Insurance Berhad (MNI).²⁰

D. Bentuk Perniagaan Syarikat Takaful

Perniagaan yang dijalankan oleh Syarikat Takaful Berhad adalah dalam bentuk takaful kerjasama (*al-Takāful al-Ta'āwunī*) yang disertai oleh suatu

¹⁸ Mohd Fadzli Yusof, *Daya Penarik Produk Takaful*, Berita Harian, Berita Ekonomi, 4 April 1997, hal. 10.

¹⁹ Syarikat Takaful Malaysia Sdn Bhd, *Laporan Tahunan 1991*, hal. 7.

²⁰ Mohd Fadzli Yusof, *Daya Penarik Produk Takaful*, Berita Harian, Berita Ekonomi, *op. cit.*, hal. 10.

kumpulan orang ramai untuk kepentingan mereka bersama dalam lakaran sektor perniagaan swasta. Bentuk perniagaan takaful ini tidak boleh disalahafsirkan dengan bentuk takaful kemasyarakatan (*al-Takāful al-Jtīmā'i*) yang biasanya dianjurkan atau berada di bawah sektor awam.²¹

Syarikat Takaful menyediakan dua jenis skim perlindungan takaful iaitu Takaful Keluarga dan Takaful Am.²² Takaful Keluarga menyediakan perlindungan bagi menghadapi malapetaka kematian dan kecederaan ke atas diri seseorang peserta. Takaful Am pula menyediakan perlindungan bagi menghadapi bencana-bencana yang mungkin berlaku ke atas harta benda yang dimiliki oleh seseorang peserta seperti rumah, bangunan atau kendaraan. Bencana-bencana yang mungkin berlaku biasanya boleh dibahagikan kepada lima kategori iaitu kebakaran, kecederaan, kemalangan laut dan udara dan kemalangan kejuruteraan.²³

1. Takaful Keluarga

Takaful Keluarga adalah versi insurans nyawa yang disediakan oleh syarikat-syarikat insurans konvensional. Takaful Keluarga adalah satu bentuk

²¹ Syarikat Takaful Malaysia Bhd, *Laporan Tahunan* 1986, hal. 6.

²² Syarikat Takaful telah diberikan dua lesen yang berasingan untuk mengendalikan dua jenis perniagaan insurans secara Islam iaitu Perniagaan Takaful Keluarga dan Perniagaan Takaful Am. Seksyen 16 Akta Takaful 1984 memperuntukkan supaya setiap satu daripada perniagaan takaful berkenaan mempunyai akaun yang berasingan. Kedua-dua jenis perniagaan takaful ini dibezakan dengan panggilan pelan untuk Takaful Keluarga dan skim untuk Takaful Am.

²³ Syarikat Takaful Malaysia Berhad, *Risalah Perlindungan Takaful*, t.t., hal. 1.

perlindungan untuk orang perseorangan yang ingin berikhtiar dan merancang bagi mengumpul dan meninggalkan sejumlah wang kepada waris-warisnya jika dia ditakdirkan meninggal dunia atau ditimpa malapetaka. Ia adalah satu bentuk perlindungan daripada sebarang bencana yang membawa kematian atau pun mengalami kecederaan yang mengganggu keupayaan seseorang untuk mencari nafkah menyara hidup keluarganya. Selain dari itu, pelan perlindungan ini juga sebagai bekalan pada masa hadapan.²⁴

Tujuan pelan-pelan Takaful Keluarga ini boleh dinyatakan berikut:

- a. Para peserta dapat menyimpan dan menabung secara berterusan;
- b. Mendapat keuntungan daripada usaha pelaburan;
- c. Menyediakan perlindungan dalam bentuk manfaat takaful untuk meringankan beban kewangan yang ditanggung oleh rakan-rakan peserta yang ditimpa malapetaka dan bencana;
- d. Mengumpulkan sejumlah wang yang akan diperolehi apabila cukup tempoh matang sebagai bekalan pada masa hadapan; dan

²⁴ Ibid.

- e. Dapat merealisasikan dana biasiswa keluarga atau mengumpul wang untuk diwakafkan kepada badan tertentu.²⁵

a. **Pelan-pelan Takaful Keluarga**

Syarikat Takaful menawarkan kepada orang perseorangan atau badan-badan korporat pelan-pelan Takaful Keluarga seperti berikut:

1. Pelan Takaful Keluarga dengan tempoh matang 10, 15, 20 hingga 40 tahun;
2. Pelan Takaful Gadai Janji,²⁶
3. Pelan Takaful Keluarga untuk pelajaran; dan
4. Pelan Takaful Keluarga Berkelompok.

Seseorang yang berumur di antara 18 hingga 55 tahun yang memeterai mananya pelan Takaful Keluarga dikenali sebagai peserta. Ia boleh memilih salah satu daripada beberapa pelan Takaful Keluarga yang disediakan. Semua pelan mempunyai tempoh matang yang ditetapkan terlebih dahulu umpamanya 10, 15 atau 20 tahun.²⁷

²⁵ Mohd Fadzli Yusof, *Takaful: Sistem Insurans Islam*, Utusan Publication & Distributors, Kuala Lumpur, 1996, hal. 12.

²⁶ Syarikat Takaful Malaysia Bhd., *Laporan Tahunan 1988*, hal. 7; *Laporan Tahunan 1989*, hal. 6; *Laporan Tahunan 1990*, hal. 5; dan *Laporan Tahunan 1991*, hal. 5.

²⁷ Pelan Takaful Keluarga hendaklah matang sebelum seseorang peserta mencapai usia 65 tahun.

Manakala pelan Takaful Gadai Janji disediakan untuk melindungi pembiayaan atau pinjaman tetap daripada insititusi kewangan tertentu kerana membeli harta termasuk pinjaman perumahan. Di bawah pelan ini, jika ditakdirkan orang yang mendapat pembiayaan (pinjaman) mengalami kesusahan dan tidak dapat meneruskan pembayaran, maka apa-apa pinjaman yang belum dijelaskan akan dibayar oleh Syarikat Takaful melalui pelan Takaful Gadai Janji. Dengan itu warisnya tidak perlu menanggung beban kewangan bagi menjelaskan baki pinjaman dan harta berkenaan tidak akan ditarik balik oleh institusi yang terlibat.²⁸

Pelan Takaful Keluarga untuk pelajaran boleh disertai oleh mereka yang menyertai mana-mana pelan Takaful Keluarga mengikut tempoh matang yang berbeza, umpamanya 10, 15 dan 20 tahun. Peserta berkenaan boleh merancang supaya perolehan manfaat Takaful Keluarga yang akan dibayar oleh Syarikat Takaful di bawah pelan takaful berkenaan sama ada disebabkan oleh kematian atau genap tempoh matang digunakan sebagai tabung pelajaran tinggi anak-anak mereka. Melalui pelan ini, Syarikat Takaful dapat membantu seseorang peserta menabung secara berterusan untuk sesuatu tempoh tertentu. Ia bermula ketika anak-anaknya masih kecil untuk membolehkan seseorang peserta menyediakan bekalan wang yang akan digunakan untuk menampung pembelajaran dan pengajian tinggi anak-anaknya kelak.²⁹ (Lihat perjalanan Takaful Keluarga dalam rajah 1).³⁰


²⁸ Syarikat Takaful Malaysia Berhad, *Pelan Takaful Keluarga*, t.t., hal. 12.

²⁹ ibid.

³⁰ Infra hal. 156.

Rajah (1)

Perjalanan Takaful Keluarga



Sumber: *Risalah Perlindungan Takaful, Syarikat Takaful Malaysia Berhad, t.t.*

Sementara pelan Takaful Keluarga Berkelompok boleh disertai oleh badan-badan korporat untuk memperlindungkan secara beramai-ramai pekerja-jaya sebagai satu usaha memelihara dan menjaga kebijakan dan kepentingan pekerja-pekerja-jaya jika berlaku sesuatu malapetaka atau bencana ke atas diri mereka.³¹

Peserta yang memeterai perjanjian Takaful Keluarga dengan Syarikat berdasarkan kontrak *mudārabah* diterangkan dengan jelas dalam perjalanan pelan Takaful Keluarga berkenaan serta hak-hak dan kewajipan kedua-dua pihak. Peserta dikehendaki membayar ansuran caruman pelan Takaful Keluarga yang disertainya mengikut tempoh matang tertentu, bergantung kepada pilihan dan kemampuan kewangan masing-masing. Amaun caruman boleh dibayar secara tahunan atau bulanan. Syarikat menetapkan amaun caruman minimum sebanyak RM15.00 sebulan. Pada masa ini amaun minimum caruman mengikut bayaran adalah seperti berikut:

- a. Bulanan - RM15.00
- b. Suku tahunan - RM45.00
- c. Setengah tahunan - RM90.00
- d. Tahunan - RM180.00

Semua caruman peserta Takaful Keluarga, Takaful Keluarga Gadai Janji dan Takaful Keluarga Berkelompok akan dimasukkan oleh Syarikat ke dalam kumpulan wang Takaful Keluarga yang diuruskan oleh syarikat dan dilaburkan di bawah perniagaan

³¹ ibid.

Takaful Keluarga.³² Kumpulan wang ini akan dikredit oleh syarikat kepada dua jenis akaun yang berasingan iaitu:

1. Akaun peserta (AP) (*The Participant's Accounts*) (PA); dan
2. Akaun Khas Peserta (AKP) (*The Participant's Special Accounts*)(PSA).³³

Sebahagian besar, umpamanya 98 peratus daripada jumlah caruman peserta akan dimasukkan ke dalam akaun Peserta (AP) dan bakinya untuk tujuan tabungan dimasukkan ke dalam Akaun Khas Peserta (AKP) sebagai *tabarru'* untuk keperluan membayar mansaaf takaful kepada rakan-rakan peserta yang ditimpa bencana. Kedua-dua jumlah caruman di dalam kedua-dua akaun ini akan dikumpulkan di dalam suatu kumpulan wang. Syarikat Takaful akan melaburkan wang tersebut dalam bidang pelaburan yang halal mengikut hukum Islam. Sebarang keuntungan yang diperolehi daripada pelaburan yang dijalankan dan diurus oleh Syarikat Takaful akan dibahagikan mengikut nisbah pengagihan keuntungan yang telah dipersetujui terdahulu dari itu oleh kedua-dua pihak. Umpamanya jika nisbah pembahagian keuntungan adalah pada kadar 7:3 maka peserta akan menerima 70 peratus daripada keuntungan pelaburan dan Syarikat akan menerima 30 peratus daripadanya.³⁴


³² Mohd Fadzli Yusof, "The Operation of Syarikat Takaful Malaysia Berhad," Kuala Lumpur. Kertas kerja yang dibentang di dalam *Seminar Insurance in Malaysia for Journalist*, di Kuala Lumpur pada tahun 1985 anjuran Institut of Malaysia Insurance, hal. 8-12.

³³ Ibid.

³⁴ Ibid.

Rajah (2)

Carta Aliran Perjalanan Ansuran Caruman Takaful Keluarga



Sumber: *Risalah Pelan Takaful Keluarga, Syarikat Takaful Malaysia Berhad, t.t.*

Bahagian keuntungan bagi para peserta akan dimasukkan ke dalam Akaun Peserta masing-masing. Sementara bahagian keuntungan bagi Akaun Khas Peserta akan dimasukkan ke dalam Akaun Khas Peserta masing-masing.³⁵ Dengan adanya keuntungan ini, maka jumlah tabungan atau simpanan akan bertambah. Aliran perjalanan ansuran caruman mengikut keterangan di atas digambarkan dalam Rajah (2).³⁶

Sewaktu menyertai produk ini, peserta terlebih dahulu bersetuju mewakafkan untuk mana-mana pihak, akan keseluruhan perolehan yang akan dibayar sebagai manfaat, sama ada disebabkan dia meninggal dunia sebelum genap tempoh penyertaan atau sempena tempoh matang. Sebagai contoh, jika tempoh penyertaan lima tahun tetapi setahun kemudian ditakdirkan peserta meninggal dunia, semua caruman yang dibayar setahun itu yang terkumpul dalam AP dibayar berserta perolehan dari AKP sebagai manfaat kematian akan menjadi harta wakaf peserta.³⁷

b. Manfaat Takaful Keluarga

Perolehan di bawah pelan Takaful Keluarga akan dibayar oleh Syarikat sama ada kepada para peserta atau warisnya apabila berlaku salah satu daripada dua perkara berikut:

1. Kematian peserta; atau

³⁵ Ibid.

³⁶ Infra hal 159.

³⁷ Risalah pelan Takaful Keluarga, *Syarikat Takaful Malaysia Bhd.*, t.t., hal. 1.

Jadual (2)

Jadual Tempoh Matang Pelan Takaful Keluarga

Kumpulan Umur (Tahun)	Tempoh Matang (Tahun)							
	10		15		20		25	
	D	D+PTD	D	D+PTD	D	D+PTD	D	D+PTD
18 - 25	2.0%	2.2%	3.5%	3.9%	5.0%	5.5%	5.5%	6.1%
26 - 30	2.0%	2.2%	3.5%	3.9%	5.0%	5.5%	6.5%	7.2%
31 - 35	2.5%	2.8%	4.5%	5.0%	6.5%	7.2%	9.0%	9.9%
36 - 40	3.5%	3.9%	6.0%	6.6%	9.0%	9.9%	12.5%	13.8%
41 - 45	5.0%	5.5%	8.5%	9.4%	12.5%	13.8%		
46 - 50	7.0%	7.7%	12.5%	13.8%				
51 - 55	12.5%	13.8%						

Kumpulan Umur (Tahun)	Tempoh Matang (Tahun)					
	30		35		40	
	D	D+PTD	D	D+PTD	D	D+PTD
18 - 25	7.5%	8.3%	9.5%	10.5%	12.5%	13.8%
26 - 30	9.0%	9.9%	12.5%	13.8%		
31 - 35	12.5%	13.8%				
36 - 40						
41 - 45						
46 - 50						
51 - 55						

D = Kematian Sahaja

D+PTD = Kematian + Keilatan Kekal Sepenuhnya

Sumber: *Risalah Pelan Takaful Keluarga*, Syarikat Takaful Malaysia Berhad, t.t.

2. Pelan Takaful Keluarga yang disertainya telah sampai tempoh matang.³⁸
(Lihat jadual 2 tentang perjalanan tempoh matang Takaful Keluarga).³⁹

Dalam kes pertama, perolehan manfaat takaful akan diurusbayar oleh Syarikat Takaful kepada waris peserta daripada Akaun Peserta (AP) dan Akaun Khas Peserta (AKP):

- a. Akaun peserta: Semua amaun takaful yang telah dibayar oleh peserta sebelum ia meninggal dunia yang telah terkumpul dalam Akaun Pesertanya beserta dengan apa-apa bahagian keuntungan pelaburan yang diperuntukkan kepadanya mengikut hukum *mudārabah*.
- b. Akaun Khas Peserta: Baki ansuran caruman yang sepatutnya dibayar sekiranya peserta masih hidup hingga ke tarikh matang pelan Takaful Keluarga yang disertainya.⁴⁰

Dalam kes kedua, Syarikat akan mengurusbayar kepada peserta berkenaan perolehan manfaat takaful daripada Akaun Peserta dan Akaun Khas Peserta seperti berikut:

- a. Akaun Peserta: Semua amaun caruman takaful yang telah dibayar oleh peserta seperti yang telah terkumpul di dalam Akaun pesertanya dari tarikh ia menyertai pelan Takaful Keluarga hingga ke tarikh matang dan bahagian

³⁸ Ibid.

³⁹ Infra hal. 161.

⁴⁰ Ibid.

keuntungan pelaburan yang diperuntukkan kepadanya mengikut perjanjian *mudārabah*.

- b. Akaun Khas Peserta: Lebihan daripada Akaun Khas semua peserta yang dapat diperuntukkan kepadanya. Lebihan ini diperolehi setelah ditolak semua perbelanjaan mengendalikan Takaful Keluarga seperti bayaran manfaat takaful kepada waris lain-lain peserta yang meninggal dunia dan sebagainya.⁴¹

Umpamanya jika seorang peserta pelan Takaful Keluarga untuk tempoh selama 10 tahun, meninggal dunia atau mengalami kecacatan kekal sepenuhnya pada tahun kelima dalam tempoh penyertaannya, maka bayaran manfaat takaful akan dibuat seperti berikut:

- a. Dari akaun peserta = RM978.00 x 5 bayaran tahunan (iaitu amaun yang telah ditetapkan oleh peserta ke dalam AP dari tarikh kematian atau kecacatan kekal sepenuhnya) beserta keuntungan yang diperolehi daripada pelaburan bagi tempoh 5 tahun, jika ada, sebagai contoh: **= RM4890**
dan keuntungan pelaburan umpamanya **= RM 400**
- b. Dari akaun khas peserta RM1000x5 **= RM 5000**

⁴¹ Ibid.

Bagi kes meninggal dunia, jumlah manfaat takaful ini akan dibayar secara sekali gus. Tetapi bagi kecacatan sepenuhnya, manfaat akan dibayar kepada peserta dalam 10 kali bayaran tahunan.

Sebaliknya jika peserta masih hidup pada tempoh matang, manfaat takaful keluarga yang akan dibuat adalah seperti berikut:

a. Dari akaun peserta RM978 x 10 **= RM9700**

dan keuntungan pelaburan dalam tempoh 10 tahun, umpamanya **= RM1800**

b. Dari akaun khas peserta **= RMxxxx**

Jumlah manfaat takaful: **=RM11,580 +**

apa-apa lebihan yang ditentukan oleh Syarikat Takaful.

Bagi peserta yang ditimpa kemalangan dalam tempoh penyertaan berpandukan contoh di atas, bayaran manfaat takaful akan dibuat berdasarkan kepada tahap-tahap berikut:

- a. Jika ditakdirkan peserta meninggal dunia akibat ditimpa kemalangan pada tahun kelima tempoh penyertaan, maka bayaran manfaat takaful akan dibuat seperti berikut:

i.	Dari akaun Peserta=RM978x5 bayaran tahunan beserta keuntungan yang diperolehi daripada pelaburan bagi tempoh 5 tahun, jika ada, sebagai contoh	= RM4890
ii.	Dari Akaun Khas Peserta RM1,000 x5 bayaran tahunan (iaitu baki ansuran caruman yang sepatutnya dibayar sekiranya masih hidup hingga tarikh matang).	= RM5000
ii.	Dari Kumpulanwang Takaful Keluarga Berkelompok Jumlah keseluruhan manfaat takaful	= RM15,000
		= RM25,290

- b. Apabila peserta mengalami kecacatan anggota badan akibat daripada kemalangan, sebagai contoh hilang pergelangan tangan atau kaki (kadar manfaat adalah ditetapkan mengikut peratus atau kecederaan) maka bayaran manfaat takaful dari Kumpulanwang Takaful Keluarga Berkelompok adalah:

$$50\% \times \text{RM}15,000 = \text{RM}7500^{42}$$

⁴² Lihat kesemua contoh pengiraan ini di dalam risalah *Pelan Takaful Keluarga*, Syarikat Takaful Malaysia Sdn. Bhd., t.t., hal. 2.

Terdapat juga produk-produk lain yang disediakan di bawah Pelan Takaful Keluarga. Antaranya ialah pelan takaful bagi membayar kos rawatan perubatan yang dipanggil Takaful Kesihatan (seperti *health insurance*) yang boleh disertai oleh orang perseorangan atau badan koporat. Sementara itu khusus untuk badan koporat, terdapat pula pelan takaful secara berkelompok yang bercirikan tabung khairat atau tabung kebajikan bagi melindungi sebilangan orang di bawah satu perjanjian yang sama. Biasanya produk yang disediakan secara berkelompok ini mempunyai penyertaan setahun tetapi boleh diperbaharui apabila tempohnya tamat.⁴³

2. **Takaful Am**

Skim-skim Takaful Am menawarkan kemudahan program kewangan jangka pendek dengan matlamat untuk menyediakan tabungan sebagai suatu jalan ikhtiar bagi membantu peserta meringankan apa-apa beban kewangan yang perlu ditanggung akibat suatu musibah atau bencana yang menimpa ke atas harta bendanya. Dengan lain perkataan, perniagaan Takaful Am ini menyediakan sistem untuk mengumpulkan sejumlah wang supaya manfaat perlindungan ke atas harta benda seperti rumah, kenderaan, barang dagangan, kilang dan seumpamanya dapat dikeluarkan jika ditakdirkan sesuatu kemalangan menimpa ke atas harta benda tersebut. Tempoh skim-

⁴³ Mohd Fadzli Yusof, *Takaful: Sistem Insurans Islam*, op. cit., hal. 24.

skim Takaful Am rata-ratanya adalah setahun dan boleh diperbaharui apabila tempohnya tamat.⁴⁴

Di antara skim-skim perlindungan Takaful Am yang ditawarkan oleh Syarikat Takaful termasuklah:

- a. Takaful kebakaran;⁴⁵
- b. Takaful kenderaan berenjin;⁴⁶
- c. Takaful pelbagai/kemalangan diri;⁴⁷
- d. Takaful marin;⁴⁸
- e. Takaful kemalangan diri;⁴⁹
- f. Takaful pemilik rumah;
- g. Takaful kandungan rumah;
- h. Takaful kebakaran rumah desa;
- i. Takaful gangguan perniagaan;
- j. Takaful kemalangan diri berkelompok;
- k. Takaful liabiliti majikan;
- l. Takaful pampasan pekerja;
- m. Takaful tanggungan awam;

⁴⁴ Ibid., hal. 24-25.

⁴⁵ Iaitu kebakaran asas, pemilik rumah dan kandungan rumah. Syarikat Takaful Malaysia Berhad, *Laporan Tahunan 1986*, hal. 7.

⁴⁶ Iaitu kenderaan kereta dan motosikal. Lihat Syarikat Takaful Malaysia Berhad, *Laporan Tahunan 1991*, hal. 4.

⁴⁷ Skim ini termasuk kemalangan diri berkelompok, semua risiko, pampasan pekerja, liabiliti awam, wang, semua risiko alat-alat kelengkapan, liabiliti majikan, gangguan perniagaan, cermin plat, pecah amanah dan kerosakan pemercik. Ibid.

⁴⁸ Skim ini adalah untuk melindungi barang atau kargo semasa dalam perjalanan. Lihat ibid.

⁴⁹ Skim ini adalah khusus untuk jemaah haji. Kedua-dua skim ini (Takaful marin dan Takaful kemalangan diri) ini baru diperkenalkan oleh Syarikat Takaful pada tahun kewangan keenam yang berakhir pada 30 Jun 1991 selaras dengan matlamat Syarikat untuk mempelbagaikan bidang khidmat.

- n. Takaful wang;
- o. Takaful pecah amanah;
- p. Takaful semua risiko;
- q. Takaful kerosakan jentera;
- r. Takaful semua risiko industri;
- s. Takaful semua risiko kontraktor; dan
- t. Takaful komputer.⁵⁰

Perjalanan urusniaga Takaful Am ditunjukkan dalam Rajah (3).⁵¹

3. Pelaburan Syarikat Takaful

Akta Takaful 1984 Dan Peraturan-peraturan menetapkan bahawa bidang-bidang pelaburan takaful mestilah halal di sisi hukum Syarak.⁵² Di antara bentuk-bentuk pelaburan yang telah dan sedang dilakukan oleh Syarikat Takaful ialah:

- a. Pelaburan di dalam Bank Islam Malaysia Berhad dalam bentuk akaun pelaburan.

Ini kerana Syarikat Takaful adalah anak syarikat BIMB dan inilah cara paling selamat bagi Syarikat Takaful untuk melakukan pelaburan.⁵³

⁵⁰ Lihat kesemua skim-skim ini di dalam Syarikat Takaful Malaysia Berhad, *Risalah Pelan Takaful Keluarga*, t.t.


⁵¹ Infra hal. 169.

⁵² Lihat sek 21(7).

⁵³ Syarikat Takaful Malaysia Berhad, *Laporan Tahunan* 1986, hal. 7.

Rajah (3)

Perjalanan Urusniaga Takaful Am



Sumber: *Risalah Perlindungan Takaful*, Syarikat Takaful Malaysia Berhad, t.t.

- b. Pembelian sijil-sijil pelaburan kerajaan Malaysia (SPKM) seperti yang termaktub dalam Akta Takaful, 1984.⁵⁴ Sijil-sijil ini berbeza dengan bon-bon yang biasa dikeluarkan oleh Kerajaan Malaysia kerana kadar bunganya tidak ditentukan terlebih dahulu, tetapi pembahagian keuntungan dilakukan dengan mengikut kadar tertentu yang tidak bercanggah dengan Islam.⁵⁵

- c. Pelaburan dalam Syarikat al-Wakalah Nominee Sdn Bhd di mana Syarikat Takaful akan menyerahkan sebahagian yang tertentu untuk pelaburan dalam bentuk pembelian saham-saham syarikat tertentu yang diluluskan oleh hukum Syarak.⁵⁶

4. Kepentingan boleh lindung

Perkara yang sangat penting dalam akad takaful ini ialah peserta hendaklah mempunyai kepentingan ke atas harta benda yang hendak dilindunginya (kepentingan boleh lindung). Dalam konteks ini kepentingan itu ialah kepentingan kewangan peserta takaful terbabit terhadap harta benda. Sekiranya harta benda yang dilindungi itu dilanda musibah tertentu, maka peserta takaful yang lain akan menanggung beban kewangan kerana kerosakan, kemusnahan atau kehilangan yang menimpa harta bendanya itu. Oleh itu kepentingan boleh lindung ini adalah syarat penting bagi memastikan bahawa tidak

⁵⁴ Lihat sek. 46(2)(iii).

⁵⁵ Seksyen 17(2)(b) Akta Takaful 1984 Dan Peraturan-peraturan memperuntukkan bahawa Syarikat dikehendaki melaburkan tidak kurang daripada 15 peratus jumlah aset kumpulan wangnya ke dalam sekuriti kerajaan persekutuan atau kerajaan negeri yang dikeluarkan di Malaysia.

⁵⁶ Syarikat Takaful Malaysia Berhad, *Laporan Tahunan*, 1991 hal. 16.

akan timbul unsur *gharar* dalam akad takaful. Akad takaful tidak boleh dikuatkuasakan di sisi undang-undang sekiranya harta benda yang dilindungi itu sebenarnya tidak wujud atau bukan menjadi hak milik sah peserta takaful.⁵⁷

Kepentingan boleh lindung ini bukan sahaja perlu wujud dan mesti jelas semasa hendak berakad, malah ia hendaklah terus kekal sepanjang tempoh akad takaful berjalan. Oleh itu peserta yang tidak lagi mempunyai kepentingan ke atas harta benda yang dilindunginya, misalnya beliau telah menjualnya, maka akad takaful yang telah disertainya itu hendaklah dibatalkan dengan memaklumkan kepada syarikat. Misalnya peserta yang telah menjual kenderaannya dikehendaki membatalkan Skim Takaful Kenderaan Berenjinnya dan tidak boleh dipindahkan secara automatik kepada pembeli baru. Ini ialah untuk mencegah daripada berlakunya penipuan dan menghindar peluang yang boleh diambil oleh pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab untuk mengaut faedah kewangan daripada wang yang terkumpul melalui sumbangan *tabarru'* oleh peserta-peserta takaful lain.⁵⁸

5. Prinsip keadilan dalam Akad Takaful

Akad takaful menyatakan peserta berhak mendapatkan kembali wang caruman mereka pada bila-bila masa pelan atau skim takaful itu ditamatkan. Misalnya peserta

⁵⁷ Sebagai contoh penyewa tidak boleh menyertai Skim Takaful Kebakaran bagi melindungi rumah yang disewanya daripada musibah oleh kerana rumah itu bukan hak miliknya. Beliau tidak mempunyai kepentingan kewangan sama sekali ke atas rumah sewanya. Jika rumah itu rosak atau musnah akibat kebakaran, penyewa terbabit tidak menanggung apa-apa beban bagi membaik pulih rumah tersebut.

⁵⁸ Temubual dengan En. Mohd Shaharudin Azali, pegawai pemasaran Syarikat Takaful Malaysia Berhad, pada 22 Oktober, 1997.

Takaful Keluarga akan menerima semua jumlah wang ansurans yang telah dibayarnya berserta keuntungan pelaburan yang diagihkan seperti yang terkumpul dalam Akaun Peserta, jika peserta itu berhenti pada bila-bila masa sebelum genap tempoh matang. Wang yang tidak dikembalikan ialah caruman yang peserta telah bersetuju untuk dijadikan *tabarru'* atau derma khusus yang dimasukkan ke dalam Akaun Khas Peserta bagi tujuan membantu rakan-rakan peserta yang lain.⁵⁹

Jika *tabarru'* itu 5 peratus sahaja daripada jumlah caruman, peserta itu akan mendapat kembali wang caruman itu melebihi jumlah yang telah dibayarnya jika kadar pulangan pelaburan lebih daripada 5 peratus setahun dan serahan atau pembatalannya dibuat selepas setahun dari tarikh penyertaan. Ini menunjukkan akad takaful bersikap adil dalam menguruskan hak dan kewajipan mengenai pembatalan atau penyerahan akad sebelum genap tempoh setahun. Oleh kerana akad takaful bersih daripada unsur *gharar*, maka semua peserta akan mempunyai hak masing-masing, iaitu wang caruman atau sumbangan yang dibuat tidak akan hangus kesemuanya.⁶⁰

Akad takaful bukanlah satu akad untuk mencegah sesuatu musibah daripada berlaku ke atas harta benda yang dilindungi. Ia adalah satu akad bagi memberi perlindungan dan membayar wang sekiranya berlaku bencana atau malapetaka ke atas peserta. Oleh itu Takaful berlandaskan kepada kepercayaan yang dijadikan sebagai asas pengukur bagi syarikat menilai harta benda yang dicadangkan oleh pemiliknya untuk dilindungi. Prinsip kepercayaan ini menepati kehendak berakad dalam Islam yang

⁵⁹ Mohd Fadzli Yusof, *Takaful: Sistem Insurans Islam*, op. cit., hal. 46.

⁶⁰ *Ibid.*, hal. 46-47.

menekankan pihak-pihak terbabit memaklumkan sejelas-jelasnya perkara yang hendak diakadkan itu tanpa menyembunyikan apa-apa fakta yang boleh menjelaskan akad. Prinsip ini juga mempunyai kaitan langsung dengan rukun akad iaitu ijab dan qabul yang bertujuan untuk melahirkan kerelaan kedua-dua pihak yang menjalankan akad serta menerima akibatnya.⁶¹

Bagi menjaga kepercayaan akad ini, para peserta hendaklah memaklumkan kepada syarikat akan perubahan fizikal harta benda yang dilindungi, kerana perubahan yang tidak dimaklumkan boleh menjelaskan kumpulan wang takaful. Sekiranya perubahan itu melibatkan pertambahan nilai, misalnya rumah yang pada asalnya hanya dua bilik diubahsuai menjadi tiga bilik, ini menyebabkan amaun perlindungan akan bertambah. Sehubungan itu pemilik wajar membuat sumbangan tambahan kepada kumpulan wang takaful sejajar dengan pertambahan nilai harta bendanya itu. Ini akan memastikan kumpulan wang takaful mempunyai amaun sumbangan yang cukup tanpa membuka ruang kepada mana-mana peserta untuk mendapat kesempatan bergantung secara tidak saksama dan adil di atas sumbangan peserta lain demi memperoleh kemudahan perlindungan untuk harta bendanya. Dengan ini semua peserta akan berasa terjamin.⁶²

⁶¹ Temubual dengan En. Mohd Shaharudin Azali, pegawai pemasaran Syarikat Takaful Malaysia Berhad, pada 22 Oktober, 1997.

⁶² Ibid.

E. Analisis Operasi Syarikat Takaful

1. Prestasi Syarikat

Setelah beroperasi selama 13 tahun, insurans yang berkonsepkan Islam ini semakin mendapat sambutan. Ia berjaya menarik orang ramai, khususnya masyarakat Islam mengenai perkhidmatan yang ditawarkan. Kejayaan syarikat ini memberikan pulangan tahunan yang agak memuaskan kepada peserta, terutama menerusi perjanjian berkongsi untung mengikut prinsip *mudārabah*, berjaya menarik ramai bukan Islam menyertai kemudahan dan skim insurans yang ditawarkan oleh syarikat.⁶³

Pada masa Syarikat Takaful ditubuhkan, penyertaan masyarakat Islam dalam insurans nyawa tidak sampai empat peratus daripada kira 10 peratus rakyat negara ini yang mengambil insurans berkenaan ketika itu. Bagaimanapun bilangannya meningkat dengan ketara kepada lapan peratus daripada sejumlah 25 peratus rakyat Malaysia yang mengambil polisi insurans nyawa. Daripada hanya 26 kakitangan perintis ketika mula beroperasi, Syarikat Takaful kini mempunyai seramai 280 kakitangan yang meliputi eksekutif dan kumpulan perkeranian dan bukan perkeranian. Bilangan cawangan juga meningkat daripada hanya tiga cawangan ketika mula beroperasi kepada 11, manakala jumlah meja takaful menjadi 40, yang terletak di semua ibu negeri serta bandar lain di seluruh negara. Sehingga 30 Jun 1995, keseluruhan aset ketiga-tiga Kumpulan Wang

⁶³ Mohd Fadzli Yusuf, *Insurans Berkonsep Islam Semakin Mendapat Sambutan*, Berita Harian, 22 Oktober, 1997, hal. 8.

Takaful Am, Takaful Keluarga dan Kumpulan Wang Pemegang Syer yang diuruskan oleh syarikat berjumlah RM137.5 juta, bertambah kira-kira 41 peratus berbanding tahun sebelumnya. Dari segi prestasi pula, Syarikat Takaful mencatat keuntungan menggalakkan setelah mengalami kerugian pada tahun pertama operasinya. Ia kemudian mencatat keuntungan sebelum zakat dan cukai berjumlah RM434,000 pada 1987; RM603,957 (1988); RM1.5 juta (1989); RM1.8 juta (1990); RM2.8 juta (1991); RM3.2 juta (1992); RM6.8 juta (1993); RM7.8 juta (1994); dan RM9.4 juta (1995).

Syarikat juga memeterai perjanjian dengan pengendali takaful di Indonesia, Brunei dan Singapura bagi menyediakan khidmat nasihat kepada mereka. Syarikat Takaful juga melabur dengan memegang 15 peratus kepentingan dalam modal Syarikat Takaful Indonesia.⁶⁴

2. Amalan *Mudārabah* di dalam Syarikat Takaful

Kewujudan akad *mudārabah* di dalam perniagaan takaful dititikberatkan dari segi pembahagian keuntungan pelaburan antara syarikat dan peserta iaitu sama ada 60:40, 70:30 atau 50:50. Prestasi cergas syarikat setelah lima belas tahun beroperasi membolehkannya membayar keuntungan dividen sebanyak 30 peratus kepada para pencarumnya.⁶⁵

⁶⁴ Ibid.

⁶⁵ Ibid.

Perkara ini dinyatakan oleh Mohd Fadzli Yusof, Pengurus Besar Takaful bahawa sebab prinsip *mudārabah* menjadi asas kepada perniagaan takaful ialah kerana perjalanan takaful menepati rukun-rukun bagi prinsip ini.⁶⁶ Ini menunjukkan seolah-olah terdapat penyesuaian keadaan kontrak insuran moden masa kini dengan salah satu akad muamalat Islam iaitu *mudārabah*.

Sebenarnya banyak timbul perbahasan di kalangan ulama sama ada akad insurans menyerupai akad *mudārabah* ataupun tidak. Shaykh ‘Abd al-Rahmān al-Qarā‘ah⁶⁷ mengatakan akad insurans yang tersebut di atas tidak mempunyai persamaan dengan akad *mudārabah* kerana bayaran premium yang diterima oleh syarikat insurans adalah untuk pembayaran bagi sesuatu kemalangan yang belum pasti akan berlaku pada masa hadapan. Ini menurutnya sama sahaja dengan perjudian atau *qimār*. Pandangan ini disokong oleh Shaykh Ahmad Ibrāhīm⁶⁸ sungguhpun kes yang cuba diuraikan oleh beliau ialah insurans nyawa. Beliau berpendapat kontrak insurans bukanlah akad *mudārabah* dan bukan juga akad pinjaman (*qard*) kerana jika demikian ia adalah pinjaman yang mengandungi faedah dan ini adalah *ribā*.⁶⁹ Apabila seseorang pemegang premium meninggal dunia selepas menjelaskan beberapa bahagian daripada bayaran

⁶⁶ Lihat Mohd Fadzli Yusof, Takaful: Sistem Insurans Islam, *op. cit.*, hal. 16.

⁶⁷ Shaykh ‘Abd al-Rahmān al-Qarā‘ah: Ulama Mesir terkenal. Lulusan Jami‘ Azhar. Beliau dilantik sebagai mufti negara Mesir pada tahun 1925. Lihat al-Dusūqī, Muhammad al-Sayyid, *Al-Ta’mīn wa Mawqif al-Shari‘ah al-Islāmiyah minh*, Al-Majlis al-A‘lā li al-Shu’ūn al-Islāmiyah, al-Kifāb al-Thāmin, Kaherah, 1387H/1978M, hal. 85.

⁶⁸ Ahli fiqh Mesir. Dilahirkan pada tahun 1291H/1874M. Belajar di Jami‘ Azhar, Dar al-‘Ulum, dan Fakulti Undang-undang Universiti Kaherah. Beliau terkenal dengan kajian-kajian perbandingan di antara mazhab. Di antara karangan beliau ialah *Turuq al-Ithbāt al-Shar‘iyah*, *al-Mu‘āmalat al-Shar‘iyah al-Māliyah* dan *al-Wasiyat wa Tasārifat al-Mārid*. Ibid., hal. 78.

⁶⁹ Syeikh Ahmad Ibrāhīm, *Majallat al-Shabāb al-Muslimin*, 1941, bil. 3, hal. 6. Dipetik daripada ibid.

premiumnya, syarikat insurans berkenaan akan membayar keseluruhan jumlah premium yang akan dibayar oleh pemegang polisi. Ini adalah satu bentuk perjudian.⁷⁰

Berhubung dengan percubaan setengah penulis Islam di zaman moden ini yang cuba mengaitkan di antara akad insurans dan *mudārabah*, para ulama dengan jelas menafikan sebarang perkaitan di antara akad insurans dan *mudārabah*. Pandangan-pandangan ini juga secara tidak langsung memberi faham bahawa bentuk-bentuk kontrak di dalam Islam terhad kepada akad penama sebagaimana yang ditetapkan oleh fiqh Islam.⁷¹

Kesimpulannya, daripada data-data dan analisis yang telah dinyatakan, menunjukkan bahawa Syarikat Takaful telah memainkan peranan yang besar dan penting di dalam menawarkan kemudahan perlindungan insurans berlandaskan hukum-hukum Syarak, sekaligus sebagai alternatif kepada bentuk insurans konvensional yang berada dalam pasaran sekarang. Kini masyarakat mempunyai pilihan sama ada ingin menceburi urusniaga insurans Barat atau Islam. Sementara untuk umat Islam, kewujudan Syarikat Takaful telah menjadikan dasar darurat untuk menggunakan urusniaga insurans Barat tidak dapat digunakan lagi.

Syarikat ini berkembang dan bersaing, dan mengamalkan tolak ansur dan mengubahsuai urusniaga mengikut realiti semasa di samping perlu menjamin bahawa

⁷⁰ Lihat Yūsuf al-Qardāwī, (Dr.), *Al-Halāl wa al-Harām fī al-Islām*, al-Maktab al-Islāmī li al-Tibā'ah wa al-Nashr wa al-Tawzī'i, Beirut, cet. 5, 1969M/1389H, hal. 623.

⁷¹ Ahmad Hidayat Buang, op. cit., hal. 141.

konsep dan objektif insurans Islam yang diamalkan tidak terjejas. Namun yang pasti, kewujudannya telah berjaya menyediakan alternatif kepada masyarakat di Malaysia di dalam urusan insurans mereka, seperti yang dilakukan oleh Bank Islam Malaysia Berhad di dalam sektor perbankan dan kewangan di negara ini. Syarikat ini perlu meluaskan promosi dan menambahkan aliran pelaburan bagi menarik lebih ramai lagi umat Islam untuk menyertai skim atau pelan takaful yang ditawarkan.